A

JAAFAR HALID lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HADHARIAH SYED ISMAIL HMR
AZMAN ABDULLAH HMR
SM KOMATHY SUPPIAH HMR
B [RAYUAN JENAYAH NOS: P-05(M)-443-12-2020,
P-05(SH)-451-12-2020 & P-05(SH)-452-12-2020]
4 JANUARI 2024

C **Abstrak** – *Apabila pembelaan sakit otak dibangkitkan dalam perbicaraan jenayah, mahkamah perlu mempertimbangkan, antara lain, sama ada tertuduh tidak siuman pada masa melakukan kesalahan yang dituduh dan tidak menyedari tentang kesan tindakannya. Dalam kes ini, tertuduh telah melepaskan tembakan secara rambang sehingga membunuh dan mencederakan orang lain.* D *Apabila keterangan dinilai secara keseluruhan, jelas bahawa, semasa kejadian, tertuduh hilang akal dan tidak mengetahui perbuatannya bertentangan dengan undang-undang. Ini konsisten dengan laporan perubatan bahawa tertuduh mengalami psikosis berulang akibat penagihan dadah. Oleh itu, tindakan tertuduh tidak terjumlah sebagai* E *satu kesalahan jenayah menurut s. 84 Kanun Keseksaan*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Pembelaan – Hilang akal – Pertuduhan bawah ss. 302 dan 307 Kanun Keseksaan – Pembelaan hilang akal akibat penagihan dadah* F *jenis ganja, heroin dan methamphetamine – Sama ada tertuduh mengalami psikosis akibat penyalahgunaan dadah – Sama ada tindakan agresif dan destruktif tertuduh konsisten dengan psikosis – Sama ada penggunaan methadone alternatif untuk merawat ketagihan heroin dan bukan methamphetamine – Sama ada berkesan mengurangkan dan memulihkan psikosis – Sama ada tertuduh berjaya membuktikan kehilangan akal semasa kejadian dan tidak mengetahui kesan* G *tingkah lakunya – Sama ada hakim bicara tersalah arah secara serius – Sama ada mengakibatkan ketidakadilan pada tertuduh – Kanun Keseksaan, ss. 84, 302 & 307 – Kanun Tatacara Jenayah, ss. 347 & 348*

Perayu dalam kes ini dikenakan lapan pertuduhan, iaitu, tiga pertuduhan membunuh bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('KK') dan lima pertuduhan H cubaan membunuh bawah s. 307 KK. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara mendapati pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap kesemua lapan pertuduhan dan berpuas hati bahawa perayu mempunyai niat membunuh dan percubaan membunuh. Oleh itu, perayu dipanggil membela diri. Perayu mengemukakan pembelaan sakit otak dan tidak sedar apa yang I berlaku pada masa kejadian. Perayu menyatakan dia mengambil dadah jenis ganja sejak berumur 18 tahun. Semasa berumur 24 hingga 25 tahun, perayu mengambil dadah jenis heroin dan pada usia awal 30an, perayu mengambil dadah jenis syabu. Perayu berumur 40 tahun semasa memberi keterangan di

mahkamah. Ketagihan pada dadah jenis heroin adalah teruk sehingga perayu terpaksa menjalani rawatan pengambilan ubat methadone. Perayu menyatakan bahawa dia tidak ingat sama sekali yang dia telah menembak lapan orang mangsa. Perayu pernah menerima rawatan di wad psikiatri Hospital Kuala Lumpur ('HKL'). Diagnosis pakar yang merawat perayu ('SD2') adalah, antara lain, bahawa perayu mengalami psikosis akibat penyalahgunaan dadah methamphetamine dan dadah heroin dan berpotensi tinggi mengalami psikosis semula akibat kerap mengambil dadah methamphetamine. Jika perayu mengalami psikosis, itu boleh menjadi teruk dan berpanjangan. SD2 juga menyatakan, oleh kerana perayu tidak lagi mendapatkan rawatan di HKL, jika berlaku psikosis, mungkin tiada ubat untuk merawatnya. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati pembelaan perayu gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan oleh itu, perayu disabitkan atas ketiga-tiga kesalahan bawah s. 302 tersebut dan untuk setiap pertuduhan, perayu dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Perayu juga disabitkan bersalah atas kesemua kesalahan bawah s. 307 dan untuk setiap pertuduhan, perayu dikenakan hukuman penjara 15 tahun dari tarikh tangkap dan hukuman diperintahkan berjalan serentak. Perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman atas kesemua lapan pertuduhan tersebut. Alasan-alasan rayuan yang dibangkitkan perayu adalah (i) sama ada hakim bicara terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan pembelaan kemabukan dadah tidak pernah ditimbulkan semasa kes pendakwaan; (ii) sama ada hakim bicara terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan methadone mengurangkan pengambilan dadah methamphetamine oleh perayu dan memulihkan psikosis perayu; (iii) sama ada hakim bicara betul dalam menilai keterangan mengenai pembelaan 'medical insanity' dan 'legal insanity'; dan (iv) sama ada hakim bicara betul apabila memutuskan tembakan adalah 'focus attack' dan bukan secara rambang.

Diputuskan (membenarkan rayuan terhadap sabitan dan hukuman; mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi terhadap atas sabitan dan hukuman)

Oleh Hadhariah Syed Ismail HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Dari peringkat kes pendakwaan lagi, perayu telah membangkitkan pembelaan bahawa perayu adalah pengguna aktif dadah jenis methamphetamine/amphetamine dan heroin. Akibat pengambilan dadah-dadah ini, perayu mengalami psikosis iaitu halusinasi suara dan lembaga hingga hilang akal, agresif dan tidak ingat apa yang berlaku. Apabila hakim bicara menyatakan kemabukan dadah tidak pernah ditimbulkan semasa kes pendakwaan, itu membawa kesimpulan bahawa hakim bicara gagal mematuhi s. 182A Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dalam menilai keseluruhan kes pendakwaan. Dengan menafikan pembelaan kemabukan dadah, hakim bicara telah melakukan salah arah

yang serius yang menyebabkan berlakunya salah laksana keadilan dalam mensabitkan perayu kerana keterangan kemabukan dadah telah tidak dipertimbangkan oleh hakim bicara. (perenggan 38 & 39)

(2) Tiada ubat untuk merawat atau mengurangkan pengambilan dadah methamphetamine. Tiada juga ubat untuk memulihkan psikosis perayu. Methadone hanyalah ubat gantian untuk merawat ketagihan dadah heroin sahaja. Ini bermakna, dapatan hakim bicara bahawa methadone berkesan mengurangkan pengambilan dadah methamphetamine dan memulihkan psikosis perayu tidak disokong oleh keterangan dan adalah satu dapatan yang salah. Realitinya, perayu belum pulih daripada psikosis. Akibat kekhilafan ini, kesimpulan bahawa perbuatan perayu melepaskan tembakan terhadap kesemua mangsa dibuat dengan niat, adalah salah arah yang serius yang menyebabkan ketidakadilan pada perayu. (perenggan 45 & 46)

(3) Psikosis yang dialami perayu adalah psikosis berulang. Kelakuan agresif perayu konsisten dengan tingkah laku agresif perayu terhadap pesakit-pesakit lain semasa berada di wad psikiatri HKL dan di wad Hospital Bahagia Ulu Kinta. Tingkah laku perayu pada masa kejadian jelas menunjukkan perayu hilang akal dan tidak tahu apa yang dilakukannya. Pembelaan bahawa perayu hilang akal akibat pengambilan dadah methamphetamine dan mengalami halusinasi suara dan lembaga yang menyebabkan dia bertindak agresif tanpa sedar disokong oleh laporan perubatan. Pembelaan perayu menunjukkan perayu tiada niat membunuh ketiga-tiga mangsa dan cuba membunuh lima mangsa tersebut. (perenggan 52, 55 & 56)

(4) Keterangan saksi-saksi pendakwaan menunjukkan perayu melepaskan tembakan secara rambang. Dapatan hakim bicara bahawa tembakan dibuat secara 'focus attack' dan bukan secara rambang tidak tepat dan tidak disokong oleh keterangan. (perenggan 57, 58 & 63)

(5) Perayu berjaya membuktikan, atas imbangan kebarangkalian, bahawa perayu mengalami sakit otak pada masa kejadian sebagaimana diperuntukkan bawah s. 84 KK, dan itu tidak terjumlah sebagai satu kesalahan jenayah. Oleh itu, perayu dibebaskan dan dilepaskan bawah s. 347 KTJ kerana kesalahan tersebut dilakukan semasa perayu hilang akal dan tidak mengetahui perbuatannya adalah salah atau menyalahi undang-undang. Selanjutnya, mengguna pakai peruntukan bawah s. 348 KTJ, perayu diperintahkan untuk dihantar ke Hospital Mental di Perak atau di Johor mengikut kesesuaian. (perenggan 64-66)

***English** Headnotes*

The appellant in this case was proffered with eight charges, *ie*, three counts for murder under s. 302 of the Penal Code ('PC') and five counts for attempted murder under s. 307 of the PC. At the end of the prosecution's case, the trial judge found the prosecution had successfully established a

prima facie case against all the eight charges and was satisfied that the appellant had the *mens rea* to commit murder and attempt to murder. Hence, the appellant was called to enter his defence. The appellant raised the defence of legal insanity and that he was unaware of what had taken place at the material time. The appellant stated that he was addicted to cannabis since he was 18 years old. When he was of the age of 24 to 25, the appellant took heroin and as early as of 30-years old, the appellant took methamphetamine. The appellant was 40 when he testified in court. The addiction to heroin was so bad that the appellant had to be treated with methadone. The appellant stated that he could not recall at all that he had shot the eight victims. The appellant had received treatment at the psychiatric ward at the Kuala Lumpur Hospital ('HKL'). The diagnosis by the expert who treated the appellant ('SD2') was, *inter alia*, that the appellant suffered from psychosis from misuse of the drugs methamphetamine and heroin and there was very high likelihood of his psychosis to relapse due to the frequent use of methamphetamine. If the appellant's psychosis relapsed, it could be severe and prolonged. SD2 also stated that, since the appellant was no longer receiving treatment at the HKL, if there was a relapse of his psychosis, there may not be any medication to treat him. At the end of the defence case, the trial judge found that the appellant's defence failed to raise any reasonable doubt against the prosecution case and the appellant was, accordingly, convicted on all the three charges under s. 302 and for each charge, the appellant was sentenced to hang till death. The appellant was also convicted of all the charges under s. 307 and for each charge, the appellant was sentenced to 15 years imprisonment from the date of arrest and the sentences were ordered to run concurrently. The appellant appealed against the conviction and sentence of all the eight charges. The grounds of appeal raised by the appellant were: (i) whether the trial judge had erred in fact and in law in holding that the defence of drug intoxication had never been raised during the prosecution's case; (ii) whether the trial judge erred in fact and in law in holding that methadone reduced the methamphetamine addiction of the appellant and treated the appellant's psychosis; (iii) whether the trial judge was correct in the assessment of the evidence for defence of medical insanity and legal insanity; and (iv) whether the trial judge was correct in holding that the shots fired were 'focused attack' and not any random shots.

Held (allowing appeal against convictions and sentences; setting aside convictions and sentences of High Court)
Per Hadhariah Syed Ismail JCA delivering the judgment of the court:

(1) The appellant had, at the stage of prosecution's case, raised the defence that he was actively addicted to methamphetamine/amphetamine and heroin. As a result of the usage of these drugs, he suffered from psychosis and auditory and visual hallucinations causing him to be of unsound mind, aggressive and incapable of remembering what had happened. When the trial judge stated that intoxication of drugs was never raised during the prosecution case, it led to a conclusion that the trial judge had

failed to comply with s. 182A of the Criminal Procedure Code ('CPC') in assessing the prosecution's case as a whole. In denying the defence of intoxication of drugs, the trial judge made a serious misdirection causing a miscarriage of justice in convicting the appellant as the evidence of intoxication of drugs had not been considered by the trial judge.

(2) There is no cure, or anything to reduce the addiction, to methamphetamine. There is also no medication to treat the appellant's psychosis. Methadone is merely an alternative to treat the addiction of heroin. This meant that the trial judge's findings that methadone is effective to reduce the addiction to methamphetamine and to treat the appellant's psychosis, were not supported by evidence and were wrongful findings. In reality, the appellant had not recovered from psychosis. As a result of this error, the conclusion that the appellant's action of firing shots against all the victims was done intentionally, was a serious misdirection that caused injustice to the appellant.

(3) The psychosis suffered by the appellant was a recurrent psychosis. The appellant's aggressive behaviour was consistent with the appellant's aggressive conduct towards the other patients when the appellant was in HKL psychiatric ward and at Hospital Bahagia Ulu Kinta ward. The appellant's conduct during the incident clearly showed that the appellant was of unsound mind and was not aware of what he was doing. The appellant's defence of unsoundness of mind due to the addiction to methamphetamine and was suffering from auditory and visual hallucination that caused him to behave aggressively without even being aware about it was supported by the medical reports. The appellant's defence showed that the appellant did not have the *mens rea* to murder the three victims and to attempt to murder the five victims.

(4) The prosecution witnessess' evidence showed that the appellant had fired the shots randomly. The trial judge's finding that the shots fired were focused attack and were not random was inaccurate and was not supported by any evidence.

(5) The appellant had successfully proven, on the balance of probability, that the appellant suffered legal insanity during the incident, as provided under s. 84 of the PC and it did not amount to a criminal offence. Therefore, the appellant was acquitted and discharged under s. 347 of the CPC as the offences were committed when the appellant suffered from unsoundness of mind and was incapable of knowing that his action was wrong or contrary to law. Further, applying the provision of s. 348 of the CPC, the appellant was ordered to be sent to the mental hospital in Perak or in Johor as is appropriate.

Kes-kes yang dirujuk:
John Nyumbei v. PP [2007] 2 CLJ 509 CA ***(dirujuk)***
Sainal Abidin Mading v. PP [1999] 4 CLJ 215 CA ***(dirujuk)***
Tham Kai Yau & Ors v. PP [1976] CLJU 159; [1976] 1 LNS 159 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 182A(1), 347, 348(2)
Penal Code, ss. 84, 302, 307

Sumber-sumber yang dirujuk:
Buku Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes, 26th edn, ms 307

Bagi pihak perayu - Anbanathan Yathiraju; T/n Anba & Assocs
Bagi pihak responden - How May Ling; TPR

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi sila lihat PP lwn. Jaafar Halid [2021] CLJU 149; [2021] 1 LNS 149 (ditolak).]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Hadhariah Syed Ismail HMR:

Pengenalan

[1] Perayu dalam ketiga-tiga rayuan ini adalah Jaafar bin Halid. Pada 1 Disember 2016, jam lebih kurang 7.15 petang hingga 7.30 malam, bertempat di jalan susur masuk ke Jambatan Pertama Pulau Pinang, Lebuh Raya Tun Dr Lim Chong Eu, Georgetown, Pulau Pinang, dengan menggunakan sepucuk senjata api jenis Glock 19 Gen 4 No. Siri ABFR 017, perayu telah menembak lapan orang mangsa. Daripada lapan mangsa itu, tiga telah terbunuh dan lima lagi mengalami kecederaan.

[2] Lapan pertuduhan dikenakan terhadap perayu iaitu tiga pertuduhan membunuh di bawah s. 302 Kanun Keseksaan dan lima pertuduhan cubaan membunuh di bawah s. 307 Kanun yang sama.

Rayuan No. 443

[3] Selepas satu perbicaaran penuh, pada 16 Disember 2020, Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah mensabitkan perayu bersalah bagi tiga kesalahan membunuh tiga mangsa berikut:

(i) Ong Teik Kwong (OTK) dengan cara menembak di bahagian belakang kepala. Pada hari kejadian berlaku, perayu adalah pengawal peribadi (bodyguard) OTK. OTK berada di tempat duduk pemandu kereta BMW No. PMF 11 semasa beliau ditembak oleh perayu. Perayu pula berada di tempat duduk belakang kereta.

(ii) Choi Hon Ming (CHM) dengan cara menembak di bahagian dada dan peha kanan. CHM berada di dalam kereta melalui jalan yang sama bila beliau ditembak; dan

A (iii) Senthil Murugiah (SM) dengan cara menembak di bahagian dada kiri. SM menunggang motosikal melalui jalan yang sama bila beliau ditembak.

[4] Bagi setiap pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan, perayu dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

B

Rayuan No. 451 Dan 452

[5] Pada 16 Disember 2020, Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang juga mensabitkan perayu bersalah atas lima kesalahan cuba membunuh lima mangsa berikut:

C (i) Arivarni a/p Krishnan dengan cara menembak di kepala. Pada masa kejadian, mangsa sedang memandu kereta melalui jalan yang sama.

(ii) Nurul Huda binti Ab Aziz dengan cara menembak di bahu. Pada masa kejadian, mangsa sedang memandu kereta bersama empat orang anaknya, melalui jalan yang sama.

D

(iii) Lee Hong Boon dengan cara menembak di dada kiri. Mangsa sedang menunggang motosikal semasa beliau ditembak.

(iv) Mohamad Amirul Amin bin Mohamed Amer dengan cara menembak di dada sebelah kiri. Mangsa telah memberhentikan motosikal untuk melihat dan membantu mangsa yang cedera apabila beliau ditembak oleh perayu.

E

(v) Puoh Bee Joo dengan cara menembak di bahu. Mangsa sedang memandu kereta semasa beliau ditembak.

F **[6]** Bagi setiap pertuduhan di bawah s. 307 Kanun Keseksaan, perayu telah dikenakan hukuman penjara 15 tahun dari tarikh tangkap dan hukuman berjalan serentak.

[7] Perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman bagi kesemua lapan pertuduhan.

G

[8] Di peringkat kes pendakwaan, perbuatan menembak lapan orang mangsa (*actus reus*) diakui oleh perayu. Perayu menafikan beliau ada niat (*mens rea*) untuk membunuh atau cuba membunuh. Pembelaan perayu ialah beliau mengalami sakit otak (legal insanity) dan tidak sedar apa yang berlaku pada masa kejadian.

H

Kes Pendakwaan

[9] Pada 1 Disember 2016 jam lebih kurang 7.26 petang, semasa Kpl Faizal bin Hamdan sedang bertugas di bilik kawalan IPK Pulau Pinang, beliau telah menerima panggilan telefon daripada satu lelaki Melayu bernama Azizan memaklumkan mengenai kejadian tembakan di susur jalan sebelum naik ke Jambatan Pertama Pulau Pinang, Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan telah memaklumkan kejadian itu kepada pihak DCC Timur Laut sepertimana dalam laporan polis, Jelutong 7799/16.

I

[10] Seorang anggota polis peronda, Kpl Azlan Shah (SP30) yang telah menerima maklumat tersebut terus menghala ke tempat kejadian.

[11] Sampai di tempat kejadian, SP30 melihat berlaku kemalangan yang melibatkan beberapa buah kenderaan. SP30 nampak satu lelaki di sebelah kiri bahu jalan dalam keadaan berlumuran darah dan ketakutan sambil memerhatikan kereta BMW dengan nombor pendaftaran PMF 11 (kereta BMW).

[12] Kemudian, SP30 melihat perayu datang dari pintu hadapan sebelah kiri kereta BMW. Pada ketika itu, perayu dilihat sedang menyelitkan pistol di bahagian belakang pinggangnya sebelah kanan. SP30 juga melihat seorang lelaki yang dalam keadaan berlumuran darah di kepala sedang berada di bahagian tempat duduk pemandu kereta BMW tersebut.

[13] SP30 telah menghampiri perayu. Pada ketika itu, perayu sedang memegang bahagian pinggangnya seolah-olah ingin mengambil pistol. SP30 telah memberi amaran dan mengarahkan perayu meletakkan pistol dan merebahkan badan, namun perayu enggan memberikan kerjasama. Selepas itu, perayu dilihat telah mencekah pistol, mengeluarkan kelopak peluru dan meletakkan pistol itu di atas tanah. SP30 seterusnya mengarahkan perayu merebahkan badan, tetapi perayu enggan memberikan kerjasama. SP30 kemudiannya menerpa ke arah perayu dan dengan bantuan anggota lain, perayu berjaya ditangkap oleh SP30.

[14] Pegawai penyiasat kes, ASP Azmirul bin Abdul Aziz (SP38) mengesahkan bahawa perayu membawa bersamanya dua magazine. Setiap satu magazine mengandungi sepuluh butir peluru. Ini bermakna perayu membawa 20 butir peluru. Hasil siasatan beliau, SP38 mendapati sejumlah 17 butir peluru telah dilepaskan oleh perayu. Tetapi, hanya 11 kelongsong peluru dijumpai di tempat kejadian.

[15] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara mendapati pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* bagi kesemua lapan pertuduhan. Hakim bicara berpuas hati bahawa perayu mempunyai niat untuk membunuh dan percubaan untuk membunuh atas dua alasan. Alasan pertama ialah perayu menggunakan senjata api (*Tham Kai Yau & Ors v. PP* [1976] CLJU 159; [1976] 1 LNS 159; *Sainal Abidin Mading v. PP* [1999] 4 CLJ 215). Alasan kedua ialah perayu menembak ketiga-tiga si mati di bahagian penting badan iaitu di kepala dan dada. Tembakan di kepala menembusi otak. Tembakan di dada menembusi jantung. Dalam kedua-dua situasi, keterangan pakar perubatan (SP3) ialah mustahil untuk mangsa boleh hidup. Mengambil kira semua perkara ini, hakim bicara memutuskan perayu mempunyai niat untuk mendatangkan kecederaan yang pada lazimnya boleh membawa kepada kematian si mati.

[16] Bagi kesalahan percubaan membunuh lima mangsa, hakim bicara mendapati perayu telah menembak mangsa-mangsa di bahagian kepala, dada dan bahu. Kecederaan kesemua mangsa adalah parah yang memerlukan pembedahan dan rawatan segera. Jika tidak, mereka juga akan menerima nasib yang sama seperti tiga mangsa yang meninggal dunia.

[17] Dengan terbuktinya kes *prima facie*, perayu dipanggil membela diri bagi kesemua lapan pertuduhan.

Kes Pembelaan

[18] Perayu mengambil dadah ganja sejak berumur 18 tahun. Pada umur 24 hingga 25 tahun, beliau mengambil dadah heroin. Pada usia awal 30an, beliau mengambil dadah jenis syabu (methamphetamine). Semasa memberi keterangan di mahkamah pada tahun 2019, perayu berumur 40 tahun. Ketagihan perayu kepada dadah jenis heroin adalah teruk sehingga beliau terpaksa menjalani rawatan pengambilan ubat methadone.

[19] Perayu diambil bekerja oleh Syarikat GMP Gaisa sebagai pengawal peribadi. Pada 30 November 2016, perayu telah ditugaskan untuk menjadi pengawal peribadi kepada Ong Teik Kwong yang dikenali oleh perayu sebagai Dato' M. Perayu turut dibekalkan oleh majikannya dengan sepucuk pistol jenis Glock dan 20 butir peluru.

[20] Sebelum kejadian tembakan berlaku, pada 1 Disember 2016, jam lebih kurang 7 pagi, OTK bersama rakan perniagaannya, Lim Boon Leng (SP37) dan perayu bertolak dari rumah OTK menuju ke Pulau Pinang dalam kereta BMW. Kereta BMW dipandu oleh OTK. SP37 duduk di tempat duduk penumpang hadapan. Perayu duduk di tempat duduk belakang OTK. Pada masa berkenaan, OTK dan SP37 ada pengetahuan bahawa perayu membawa senjata api bersama beliau.

[21] Di Pulau Pinang, semasa OTK, SP37 dan perayu berada di Kafe Arabica, perayu melihat perbincangan antara OTK dengan kawannya agak tegang. Disebabkan itu, perayu telah mengeluarkan pistol dan meletakkan di atas pehanya. Perbuatan perayu ditegur oleh OTK yang menyuruh perayu menyimpan semula pistolnya. Perayu menurut arahan OTK.

[22] Semasa kereta BMW berada di atas lebuh raya menuju ke Jambatan Pertama Pulau Pinang, perayu merasa suhu badannya panas, jantung berdebar-debar dan mendengar suara bisikan di kiri kanan telinga dan ada kelibat hitam di sebelahnya.

[23] Perayu cuba menenangkan fikirannya dengan membaca ayat kursi, tetapi bacaannya tidak lancar. Kemudian, perayu tidak ingat apa yang berlaku selepas itu. Beliau hanya tersedar apabila mendengar arahan SP30 supaya meletakkan pistol. Perayu menurut arahan polis dan meletakkan senjata.

[24] Perayu tidak ingat sama sekali yang beliau telah menembak lapan orang mangsa. A

[25] Pada 21 Jun 2015, perayu didapati pengsan di masjid dan dibawa ke unit kecemasan Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk rawatan dan pemeriksaan. Tetapi, perayu bertindak destruktif dan agresif selepas sedar. Ujian saringan urin menunjukkan perayu mengambil dadah methamphetamine/amphetamine dan benzodiazpeine. Beliau dimasukkan ke wad psikiatri HKL dari 22 Jun 2015 hingga 26 Jun 2016 untuk distabilkan. B

[26] Pada tahun 2016, Dr Mohammad Firdaus bin Abdul Aziz (SD2) adalah pakar psikiatri di HKL. SD2 adalah doktor yang merawat perayu di wad psikiatri HKL dan menyediakan laporan perubatan D147. Mengikut D147, perayu menerima lima rawatan susulan dan kali terakhir SD2 merawat perayu adalah pada 25 Februari 2016. C

[27] Semasa ditemu bual oleh SD2, perayu mengaku beliau kerap mengambil dadah jenis methamphetamine dan enphitamine. Perayu juga mengaku beliau ada mengambil dadah jenis heroin dan telah pun mendapatkan rawatan methadone di klinik kesihatan terdekat. D

[28] SD2 memberi penjelasan, untuk mereka yang mengambil dadah jenis ETS emphathamine stimulant, antara symptom psikosis yang paling kerap adalah berhalusinasi iaitu mendengar suara atau melihat sesuatu yang tidak ada dan juga delusion. Delusion bermaksud percaya seseorang itu mahu mendatangkan kemudaratan, mahu mencederakan dia, berburuk sangka dengan orang. Sedangkan benda itu tidak betul. E

[29] Diagnosa SD2 dalam laporan D147 ialah perayu mengalami psikosis akibat penyalahgunaan dadah methamphetamine dan dadah heroin iaitu "Brief Psychotic Disorder secondary to Methamphetamine, Polysubstance (Methamphetamine/Amphetamine, Opiod) Use Disorder on Methadone Maintenance therapy". F

[30] Menurut SD2, perayu berpotensi tinggi untuk mengalami psikosis semula kerana beliau kerap mengambil dadah methamphetamine dan jika perayu mengalami psikosis, ia boleh menjadi teruk dan berpanjangan. Seterusnya, SD2 juga menyatakan, oleh kerana perayu tidak lagi mendapatkan rawatan di HKL, maka jika berlaku psikosis mungkin tiada ubat untuk merawat beliau. G

[31] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati pembelaan perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan atas alasan-alasan berikut: H

(i) perayu adalah seorang yang waras, tidak mengalami masalah mental dan tidak mengalami sebarang gejala psikosis berasaskan laporan perubatan daripada Dr Suaran Singh a/l Jasmit Singh iaitu Pakar Perunding Psikiatri, Hospital Bahagia Ulu Kinta yang memeriksa perayu pada 14 Disember 2016. I

(ii) kali terakhir SD2 memeriksa perayu adalah pada 25 Februari 2016. Kejadian kes ini berlaku sepuluh bulan kemudian iaitu pada 1 Disember 2016. Oleh itu, keterangan SD2 dan pendapat beliau dalam laporan D147 bahawa perayu mengalami psikosis akibat pengambilan dadah jenis methamphetamine dan heroin adalah terhad setakat 25 Februari 2016 dan tidak boleh menjadi bukti konklusif yang boleh diterima oleh mahkamah sebagai asas kepada legal insanity.

(iii) berasaskan laporan perubatan D146 yang disediakan oleh Dr Suaran Singh, perayu tidak mengalami gejala psikosis dan hanya mempunyai masalah kebergantungan kepada dadah. Oleh itu, perayu bukan seorang yang "medically insane" sewaktu diperiksa oleh Dr Suaran Singh.

(iv) tembakan perayu kepada semua mangsa adalah "focus attack" dan bukannya secara rambang seperti perbuatan orang yang hilang akal atau tidak waras.

(v) perayu gagal membuktikan semasa beliau menembak kesemua mangsa, beliau tidak waras atau hilang akal. Perayu juga gagal membuktikan bahawa beliau tidak tahu perbuatannya menembak mangsa adalah salah atau menyalahi undang-undang. Oleh itu, legal insanity juga gagal dibuktikan.

(vi) pembelaan kemabukan dadah tidak pernah dibangkitkan semasa kes pendakwaan. Pembelaan ini hanya dihujahkan di akhir kes pembelaan. Maka, kemabukan dadah adalah pembelaan yang difikirkan kemudian dan bukanlah suatu pembelaan yang baik.

Alasan-alasan Rayuan

[32] Perayu membangkitkan empat isu berikut:

(i) sama ada hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan pembelaan kemabukan dadah tidak pernah ditimbulkan semasa kes pendakwaan.

(ii) sama ada hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan methadone mengurangkan pengambilan dadah methamphetamine oleh perayu dan memulihkan psikosis perayu.

(iii) sama ada hakim bicara betul dalam menilai keterangan mengenai pembelaan "medical insanity" dan "legal insanity".

(iv) sama ada hakim bicara betul dalam memutuskan tembakan adalah "focus attack" dan bukan secara rambang.

Isu Kemabukan Dadah

[33] Di perenggan [98] alasan penghakiman beliau (Rekod Rayuan Jilid 1, ms. 103), hakim bicara memutuskan kemabukan dadah tidak pernah dibangkitkan semasa kes pendakwaan.

[34] Di hadapan kami, peguam perayu menghujahkan bahawa pembelaan kemabukan dadah ada dibangkitkan semasa kes pendakwaan. Peguam merujukkan kami kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan iaitu SP3, SP29 dan SP38 semasa di soal balas.

[35] Kami mulakan dengan keterangan ahli kimia, SP29. SP29 telah menjalankan ujian darah ke atas kesemua manga tembakan termasuk perayu. Saksi ini juga telah menyediakan satu laporan berasingan bagi setiap individu. Ekshibit P12 adalah laporan ujian darah perayu. Ketika disoal balas, SP29 setuju dalam P129, beliau menyatakan darah perayu mengandungi methadone. Menurut SP29, methadone adalah sejenis bahan yang digunakan dalam rawatan terapi untuk ketagihan heroin. Oleh itu, SP29 bersetuju ada kemungkinan perayu adalah penagih dadah.

[36] Dato' Dr Zahari bin Noor (SP3) ialah seorang pakar perubatan. SP3 telah disoal balas mengenai kesan kehadiran methadone dalam darah. Saksi ini setuju bahawa methadone adalah rawatan untuk heroin sahaja. Manakala bagi dadah methamphetamine, tiada rawatan seperti methadone. Saksi ini juga setuju ujian darah boleh mengesahkan sama ada seseorang itu di bawah rawatan methadone atau pun tidak.

[37] Pegawai penyiasat kes, ASP Azmirul bin Abdul Aziz (SP38), telah disoal balas mengenai ketidaksempurnaan akal perayu dengan merujuk kepada laporan perubatan D146, D147, D149, D150 dan D151A. SP38 telah disoal balas seperti berikut:

S: Sebagai pegawai penyiasat, setuju dengan saya berasaskan dokumen D147, nampaknya OKT juga merupakan seorang pengguna dadah jenis methamphetamine atau Amphetamine?

J: Setuju

S: Rujuk ayat terakhir, doktor mengesahkan OKT ada peristiwa silam halusinasi suara dan penglihatan?

J: Benar

S: M/s 2 bahagian bawah, setuju rawatan adalah Stimulant Induced Psychotic Disorder; Amphetamine type stimulant?

J: Ada

S: Setuju daripada dokumentasi hospital, walaupun kamu ada pengetahuan bahawa OKT ada masalah mental khususnya halusinasi, tetapi kamu tidak membuat apa-apa siasatan berkenaan masalah mental ini secara teliti?

J: Saya hanya berpandukan laporan s. 342 CPC yang dihantar oleh Hospital Bahagia Ulu Kinta Perak.

S: Setuju dengan saya, daripada dokumen, kamu boleh sahkan OKT pernah ada masaalah mental?

J: Setuju

[38] Daripada keterangan saksi-saksi pendakwaan SP3, SP29 dan SP38, jelas kepada kami bahawa dari peringkat kes pendakwaan lagi, perayu telah membangkitkan pembelaan bahawa beliau adalah pengguna aktif dadah jenis methamphetamine/amphetamine dan dadah heroin. Akibat daripada pengambilan dadah-dadah ini, beliau mengalami psikosis iaitu halusinasi suara dan lembaga (auditory and visual hallucination) hingga hilang akal, agresif dan tidak ingat apa yang berlaku.

[39] Apabila hakim bicara menyatakan kemabukan dadah tidak pernah ditimbulkan semasa kes pendakwaan, ia membawa kesimpulan bahawa hakim bicara telah gagal mematuhi s. 182A(1) Kanun Tatacara Jenayah dalam menilai keseluruhan kes pendakwaan. Dengan menafikan pembelaan kemabukan dadah, hakim bicara telah melakukan salah arah yang serius yang menyebabkan berlakunya salah laksana keadilan (miscarriage of justice) dalam mensabitkan perayu kerana keterangan kemabukan dadah telah tidak dipertimbangkan oleh hakim bicara.

[40] Atas fakta dan keadaan kes ini, kami bersetuju dengan hujahan peguam perayu bahawa dapatan hakim bicara bahawa pembelaan kemabukan dadah adalah pembelaan yang difikirkan kemudian adalah satu dapatan yang salah, yang bertentangan dengan keterangan yang ada di hadapan mahkamah.

Isu Methadone Memulihkan Psikosis Perayu

[41] Di perenggan [104] alasan penghakiman (rekod rayuan Jilid 1 ms. 108), hakim bicara membuat dapatan fakta berikut:

> ... Sebaliknya OKT dalam kes ini tidak mengambil sebarang dadah pada masa kejadian dan hanya mengambil methadone yang disahkan oleh SD2 berkesan untuk mengurangkan pengambilan dadah ice (methamphetamine) kepada OKT sekaligus memulihkan psikosis yang dialami oleh OKT.

[42] Kompelin perayu terhadap penemuan fakta hakim bicara itu ialah SD2 tidak pernah memberi keterangan bahawa methadone berkesan untuk mengurangkan pengambilan dadah ice (methamphetamine) dan sekali gus memulihkan psikosis yang dialami oleh perayu.

[43] Sebaliknya, pakar perubatan, SP3 menyatakan methadone adalah ubat gantian untuk dadah heroin dan tiada ubat gantian untuk dadah jenis methamphetamine.

[44] Keterangan SD2 ialah jika perayu mengalami psikosis lagi, tidak ada ubat untuk merawat perayu kerana beliau tidak lagi mendapatkan rawatan susulan di HKL.

[45] Kesimpulan yang boleh dibuat dari keterangan SP3 dan SD2 adalah tidak ada ubat untuk merawat atau mengurangkan pengambilan dadah methamphetamine. Juga tidak ada ubat untuk memulihkan psikosis perayu. Methadone hanyalah ubat gantian untuk merawat ketagihan dadah heroin sahaja. Ini bermakna, dapatan hakim bicara bahawa methadone berkesan mengurangkan pengambilan dadah methamphetamine dan memulihkan

psikosis perayu tidak disokong oleh keterangan dan adalah satu dapatan yang salah. Realitinya adalah perayu belum pulih dari psikosis. Beliau mengalami psikosis pada 1 Disember 2016.

[46] Kesan dari kekhilafan ini, hakim bicara telah menyimpulkan bahawa perbuatan perayu melepaskan tembakan terhadap kesemua mangsa adalah dibuat dengan niat. Pada pendapat kami, ini adalah salah arah yang serius yang telah menyebabkan berlakunya ketidakadilan kepada perayu.

Isu Medical Insanity Dan Legal Insanity

[47] Perbezaan di antara legal insanity dan medical insanity telah dijelaskan oleh pengarang *Buku Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes* 26th edn di ms. 307 seperti berikut:

> "Medical insanity" and "legal insanity" – There is a good deal of difference between "medical insanity" and "legal insanity" and courts are concerned only with the legal and not the medical of the matter. It is not every kind of frantic humour or something unaccountable in a men's action, that points him out to be a mad man, to be excepted from punishment, It is not mere eccentricity or singularity of manner that would suffice the plea of insanity. Abnormality of mind is not by itself sufficient to show that the accused must have acted while of unsound mind. Such exemption can be claimed only when the insane person is incapable of knowing the nature of the act or he is doing either wrong or contrary to law.

[48] Dalam kes *John Nyumbei v. PP* [2007] 2 CLJ 509, Abdul Hamid Embong HMR (beliau pada ketika itu) telah membuat dapatan fakta mengenai pembelaan insanity seperti berikut:

> 10. The law on unsoundness of mind as a complete defence in our criminal jurisprudence is, as was correctly submitted by learned counsel for the appellant, contained in s. 84 of the Penal Code. It states:
>
> > 84. Nothing is an offence which is done by a person who, at the time of doing it, by reason of unsoundness of mind, is incapable of knowing the nature of the act, or that he is doing what is either wrong or contrary to law.
>
> 12. Thus, under s. 84 Penal Code, criminality has to be determined according to that legal test and not merely by the mental state of an accused person according to the medical test.
>
> 14. When the defence of insanity is raised, the court thus needs to consider two matters, namely:
>
> (i) whether the accused person has successfully established, as a preliminary issue, that at the time of committing the act he was of unsound mind, and
>
> (ii) if he was of unsound mind, whether he has proven that his unsoundness of mind was a degree to satisfy one of the tests earlier mentioned *ie*, that the accused was incapable of knowing the nature of his act as being wrong or against the law. (see *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes*, 5th edn, p 289 *et seq*).

A

> 16. The standard of proof upon the accused raising the defence of insanity is on the balance of probabilities, as in a civil case (*Rajagopal v. PP* [1976] 1 LNS 122; [1977] 1 MLJ 6; *Goh Yoke v. PP* [1969] 1 LNS 48; [1970] 1 MLJ 63). So, if the appellant here is able to show, either from the prosecution or other evidence that he committed the crime but was at that time insane, he cannot be culpable by virtue of s. 84 Penal Code.

B

[49] Dalam kes ini, perayu mengatakan beliau tidak ingat apa yang berlaku. Beliau hanya tersedar apabila mendengar arahan supaya meletakkan senjata.

[50] Tidak ada penjelasan kenapa beliau tidak ingat. Keterangan yang ada ialah beliau mengalami psikosis, mendengar bisikan suara dan nampak
C lembaga hitam di sebelahnya. SP37 telah memberi keterangan bahawa beliau mendengar perayu "chanting" dua hingga tiga minit sebelum mendengar bunyi tembakan. Tingkah laku perayu "chanting" menunjukkan perayu ada legal insanity. Perayu secara tiba-tiba tanpa sebab bertindak agresif menembak orang-orang yang tidak dikenali (kecuali OTK) yang melepasi
D kereta BMW. Masalah psikosis ini pernah berlaku semasa perayu dirawat di HKL pada 22 Jun 2015. Laporan perubatan HKL berkaitan rawatan pada 22 Jun 2015 terkandung dalam eksh. D151A.

[51] Dalam laporan HKL, eksh. D151A, perayu juga didapati mengambil dadah methamphetamine dan ubat methadone pada masa tersebut. Tetapi,
E perayu bertindak agresif dan destruktif. Semasa di wad psikiatri, kaki dan tangan perayu terpaksa diikat oleh kakitangan HKL. Dalam D151A, doktor yang membuat pemeriksaan fizikal terhadap perayu pada 22 Jun 2015 menulis:

> … There was the presence of visual and auditory hallucinations and
F persecutory delusions at the time.
>
> Seterusnya, doktor tersebut membuat diagnosa berikut:
>
> stimulant induced psychotic disorder (amphetamine type stimulant) with stimulant use disorder.

G **[52]** Maka, psikosis yang dialami perayu pada 1 Disember 2016 adalah psikosis yang berulang. SD2 telah memberi keterangan bahawa pengambilan dadah methamphetamine memberi kesan fizikal dan mental kepada pengambilnya. SD2 juga telah memberi keterangan bahawa jika perayu mengalami psikosis berulang, psikosis beliau akan menjadi lebih teruk.

H **[53]** Walaupun hakim bicara nampaknya menerima fakta bahawa perayu mengalami psikosis, tetapi hakim bicara memilih untuk menerima laporan perubatan D146 yang disediakan oleh Dr Suaran Singh sebagai laporan yang tepat mengenai keadaan mental perayu. Hakim bicara dipengaruhi oleh faktor bahawa Dr Suaran Singh memeriksa perayu pada 14 Disember 2016,
I dua minggu selepas kejadian tembakan sebagai laporan yang lebih tepat berbanding pemeriksaan terakhir SD2 ke atas perayu pada Februari 2016.

[54] Pada pendapat kami, tujuan laporan D146 itu disediakan adalah untuk menentukan sama ada perayu layak (fit) untuk dibicarakan. Dr Suaran Singh tidak dapat dipanggil untuk memberi keterangan kerana sapina tidak dapat diserahkan kepada beliau. Fakta menunjukkan Dr Suaran Singh telah bersara dan beliau tidak dapat dihubungi. Tetapi, s. 84 Kanun Keseksaan menghendaki perayu membuktikan beliau hilang akal pada masa kesalahan dilakukan. Oleh itu, bagi maksud s. 84 KK, isu yang perlu diputuskan oleh mahkamahadalah sama ada perayu hilang akal pada 1 Disember 2016.

[55] Kami mendapati hakim bicara tidak mengambil kira keterangan perayu yang disokong oleh keterangan SP37 iaitu perayu membaca ayat kursi dan chanting untuk menenangkan hatinya semasa mengalami halusinasi suara dan lembaga hitam. Selepas itu, perayu bertindak agresif menembak mangsa. Kelakuan agresif perayu ini adalah konsisten dengan tingkah laku agresif beliau terhadap pesakit-pesakit lain semasa berada di wad psikiatri HKL dan juga semasa berada di wad Hospital Bahagia Ulu Kinta pada 14 Disember 2016. Tingkah laku perayu pada masa kejadian, 1 Disember 2016, itu jelas menunjukkan perayu hilang akal dan tidak tahu apa yang dilakukannya.

[56] Pada pendapat kami, pembelaan perayu bahawa beliau hilang akal akibat pengambilan dadah methamphetamine dan mengalami halusinasi suara dan lembaga yang menyebabkan beliau bertindak agresif tanpa sedar disokong oleh laporan perubatan D147 dan D151A. Pembelaan perayu ini menunjukkan beliau tiada niat untuk membunuh tiga mangsa dan cuba membunuh lima mangsa.

Isu Tembakan Rambang

[57] Dalam penghakimannya, hakim bicara menyatakan tiada keterangan yang menunjukkan perayu telah melepaskan tembakan secara rambang.

[58] Sebaliknya, kami mendapati keterangan saksi-saksi pendakwaan iaitu SP9, SP11 dan SP18 menunjukkan keadaan yang berlaku adalah sebaliknya.

[59] SP9 telah memberi keterangan berikut semasa disoal balas:

> S: Memandangkan kamu ada lihat dia, setuju dengan saya dia lepaskan tembakan tidak tentu hala?
>
> J: Setuju.

[60] SP11 pula memberi keterangan berikut. Beliau sedang menunggang motosikal bila ditembak oleh perayu. Beliau berada dalam jarak antara lapan hingga sembilan kaki dari perayu. Beliau lari bersembunyi di belakang pokok. Beliau nampak perayu berlegar-legar di atas jalan raya dan melepaskan tembakan. Kepada SP11, tingkah laku perayu adalah seperti orang gila.

[61] SP18 yang menunggang motosikal telah ditembak di bahagian dada. Selepas terkena tembak, SP18 nampak perayu melepaskan beberapa das tembakan ke atas.

[62] Keterangan SP9, SP11 dan SP18 menunjukkan perayu melepaskan tembakan secara rambang dan tidak tentu hala.

[63] Mengambil kira keterangan SP9, SP11 dan SP18, kami mendapati dapatan hakim bicara bahawa tembakan dibuat secara focus attack dan bukan secara rambang adalah tidak tepat dan tidak disokong oleh keterangan.

Keputusan Kami

[64] Setelah meneliti kes pembelaan, kami mendapati perayu telah berjaya membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa beliau mengalami sakit otak (legal insanity) pada masa kejadian sebagaimana diperuntukkan di bawah s. 84 Kanun Keseksaan di mana ia tidak terjumlah kepada satu kesalahan jenayah.

[65] Mengguna pakai peruntukan di bawah s. 347 Kanun Tatacara Jenayah, mahkamah ini membebas dan melepaskan perayu kerana beliau melakukan kesalahan semasa hilang akal dan tidak mengetahui perbuatan beliau adalah salah atau menyalahi undang-undang (legal insanity).

[66] Selanjutnya, mengguna pakai peruntukan di bawah s. 348 Kanun Tatacara Jenayah, mahkamah ini memerintahkan perayu dihantar ke hospital mental di Perak atau di Johor mengikut kesesuaian dan mahkamah akan menyediakan laporan kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong bagi perkenan Tuanku di bawah s. 348(2) Kanun Tatacara Jenayah.

[67] Rayuan terhadap sabitan dan hukuman dibenarkan. Keputusan Hakim Mahkamah Tinggi atas sabitan dan hukuman diketepikan.